

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[ PAYA BESAR ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan berapa jumlah rumah mampu milik yang telah siap diduduki di Pahang dan di kawasan Parlimen Paya Besar.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Oktober 2016, sebanyak 27 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang melibatkan 3,668 unit rumah telah siap dibina di seluruh negeri Pahang. Daripada jumlah tersebut, terdapat 1 projek PPR yang telah dibina di kawasan Parlimen Paya Besar iaitu PPR Kg. Baru Gambang yang merangkumi pembinaan 150 unit rumah.